

Parlimen: Pembinaan KLIA2 Tepat, Tampung Pertumbuhan Mendadak Penumpang Bernama
16 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Langkah kerajaan membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 2 adalah tepat kerana ia bertujuan menampung pertumbuhan mendadak penumpang penerbangan murah, persidangan Dewan Negara diberitahu pada Isnin.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Rahim Bakri berkata Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) sedia ada tidak mampu lagi memenuhi keperluan serta tidak dapat dinaik taraf kerana tidak mempunyai ruang yang cukup.

"Pembinaan KLIA2 ini akan memberi keselesaan kepada penumpang dengan ruang lantai terminal lebih besar iaitu 257,000 meter persegi yang mampu menampung sehingga 45 juta penumpang setahun.

"Setiap penumpang akan menikmati tahap keselesaan 25 meter persegi berbanding 11 meter persegi di LCCT sekarang," katanya ketika menjawab pertanyaan Senator Datuk Syed Ibrahim Kader.

Katanya, KLIA2 juga akan mempunyai perhubungan pengangkutan rel Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) yang akan melancarkan perjalanan penumpang di antara kedua-dua terminal.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680844>

